UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 48/49 - Julai/Ogos 05

15hb September 2005





Malam Di Ambang Merdeka





Tahniah! kepada semua keluarga kampus kerana berjaya mendapat

Persijilan ISO 9001:2000 (LRQA)



inside !

Mesej Timb Pengarah HEA & Alumni

Persijilan ISO 9001:2000

Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM)

Toastmasters Club

Pak Mat: A profile

Language of the Heart

Seminar Pemantapan Siswa

Kursus Aplikasi e-Learning

Kecemerlangan Berterusan

Perjalanan menuju Wawasan 2020 yang membawa kita menjadi sebuah negara maju dalam tempoh 15 tahun akan datang berhadapan pelbagai cabaran dan kemungkinan berlaku peristiwa di luar dugaan. Tidak mustahil perkara seperti krisis mata wang serantau pada tahun 1997 dan 1998 berulang lagi dan jumlah graduan menganggur akan bertambah jika generasi pelapis masa depan tidak berhati-hati dan berwaspada.

Kerajaan telah membuat andaian mengenai apa yang boleh berlaku ke atas anak bangsa kita dan menyeru kita membuat persediaan awal sebaik-baiknya terutama dalam pembangunan



Mesej Timbalan Pengarah HEP & Alumni

Prof Madya Dr Hj Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit

insaniah dan pendidikan. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Comenius (1650) sebagai "wholly educated" dalam kata-katanya "Our wish is that every man and woman should be wholly educated, rightly/armed not only in one single matter or in a few or even in many, but in all things which perfect human nature.

Salah satu daripada tujuh strategi yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke arah Fasa Kedua Wawasan 2020 ialah mempercepatkan pembangunan pendidikan dengan penekanan kurikulum kepada teknologi baru. Saranan untuk mempercepatkan pembangunan pendidikan ini merupakan tanggungjawab UiTM untuk menggandakan kemasukan pada semester-semester mendatang. Dalam masa yang sama UiTM akan terus menggiatkan program pengantarabangsaan untuk memupuk kebudayaan dan teknologi terkini. Sejak tahun lepas UiTM Kampus Samarahan telah menerima pertukaran pelajar Amerika Syarikat seramai 16 orang dan pada tahun ini seramai 32 orang lagi telah bersama pelajar-pelajar kita dari 16 Julai hingga 15 Ogos 2005.

Satu lagi strategi kerajaan untuk Wawasan 2020 ialah meneruskan penekanan kepada pembangunan insaniah. Usaha melahirkan "perfect human nature" ini juga telah dikatakan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor dalam perutusan Majlis Perasmian Minggu Mesra Siswa yang lepas sebagai "Personaliti Unggul (Excellence personality). Apa yang beliau maksudkan dengan "Personaliti Unggul ialah sifat terpuji seseorang yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun. Seseorang yang berpersonaliti unggul adalah dia yang sentiasa rajin berusaha, gigih bekerja, memiliki tingkat kesabaran tertinggi, sentiasa sihat rohani dan jasmani, sentiasa berfikiran terbuka dan seimbang, adil, saksama, jujur, tahu berterima kasih, sedar diri, sentiasa memikirkan kesejahteraan orang lain, tidak pentingkan diri peribadi, tidak mengambil jalan mudah untuk berjaya dan meningkatkan kedudukan diri, sentiasa pemurah, sentiasa membantu, mengenang budi, tidak mudah berputus asa, menghormati sesama makhluk dan mengagungkan kebesaran Ilahi.

Kita yakin UiTM dapat melahirkan graduan yang berpotensi unggul ini yang "dihempas tak pecah, dilentur tak patah dan ditumbang tak rebah".

Jelita sungguh puteri bersanggul
Makan ketupat di laman rumah
Siswa UiTM berpersonaliti unggul
Capai matlamat pembangunan insaniah

" Holistic education, as John P. Miller defines it in The Holistic Curriculum (1996., is essentially concerned with connections in human experience — connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego. The Holistic Curriculum concisely describes how holistic thinking integrates spiritual and scientific perspectives, drawing upon romantic, humanistic, and other radical alternatives to the atomistic worldview of the modern age.: (Http://www.infed.org/biblio/holistic education.htm)

City Parade

Rafidah Nawawi



Tanggal 27 Ogos lalu UiTMCS diumumkan sebagai juara kategori "cultural group" untuk "City Parade". Apa yang membanggakan ialah penyertaan para pelajar Amerika yang pada waktu itu bersama-sama menjayakan perarakan yang bermula dari Jalan Padungan ke Dataran Merdeka. Kontinjen UiTMCS telah disertai seramai 60 peserta termasuk pelajar Amerika. Apa yang menarik tentang "City Parade" ini ialah kontinjen yang terlibat dikehendaki berjalan kaki dan menari sepanjang jalan sehingga ke pentas utama di Dataran Merdeka. Selain dinobatkan menjadi juara kontinjen UiTMCS juga berjaya meraih hadiah wang tunai sebanyak RM2000.00. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada tenaga pengajar iaitu En Mohd Isa Edi kerana atas usaha gigih beliau UiTMCS terus menempa nama di dalam bidang kebudayaan dan seterusnya menaikkan UiTMCS sebagai UiTM yang berbudaya di samping pelajar-pelajar yang bertaraf dunia.





Seminar Pemantapan Siswa

Hazman Seli

Seminar Pemantapan Siswa Ijazah Sarjana Muda Sesi Jul – Nov. 2005 telah diadakan pada 30 Julai 2005 di Dewan Suarah Kuching anjuran Hal Ehwal Pelajar UiTMCS dengan penyertaan siswa/i seramai 109 orang. Seminar ini adalah aktiviti suai kenal setiap semester yang dijalankan khusus untuk siswa-siswi yang akan mengikuti program ijazah sarjana muda di UiTM Sarawak. Seminar ini diharap dapat membuka minda siswa dengan lebih luas dan lebih matang dalam semua aspek kehidupan di kampus dan dapat memenuhi syarat-syarat prospeks pekerjaan yang akan dilalui kelak.

Tiga ceramah telah disampaikan oleh penceramah yang berkaliber. Ceramah pertama yang bertajuk "Ethics in workplace" daripada Prof. Madya Dr. Yaacob Yusoff (CITU UiTM Sarawak) telah banyak menyedarkan siswa/i peri pentingnya penekanan aspek etika dalam pekerjaan. Etika hanya dapat dihayati jika semua pekerja mendalami agama dan mengamalkannya dalam dunia pekerjaan untuk mengelakkan rasuah, penyelewengan dan sebagainya. Ceramah kedua yang bertajuk "Success in a changing job market" disampaikan oleh Tuan Haji Wan Liz Ozman bin Haji Wan Omar (SEDC), juga telah banyak memberi pendedahan kepada siswa/i tentang bagaimana hendak berjaya di alam pekerjaan sekarang. Beberapa senario dan cabaran mendapat pekerjaan telah didedahkan dan diikuti dengan saranan kata-kata motivasi supaya berjaya dalam mendapatkan pekerjaan. Kemudian ceramah ketiga yang bertajuk "Building your own opportunities in a globalizing world" disampaikan oleh Dr. Zulfar Yadi, (Jabatan Ketua Menteri Sarawak). Beliau menekankan senario ekonomi global yang membuka persaingan dan peluang pekerjaan yang bersifat global dan memberi gambaran bagaimana cabaran dan implikasi perlu dihadapi dalam menghadapi dunia globalisasi kini.

Majlis penutupan seminar disempurnakan oleh Pengarah Kampus, Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Jamil Hj. Hamali. Antara lain beliau menekankan peri pentingnya siswa/i menggunakan peluang yang diberikan untuk belajar bersungguh-sungguh serta melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan. Beliau juga menyeru supaya siswa/i mempergunakan sepenuhnya segala kemudahan perpustakaan UiTMCS dan komputer yang telah disediakan serta berbincang dan banyak menyoal para pensyarah.

Now you see it, now you don't

Abdul Rahman Saili

Recently during the practical session, I managed to take a few photos of my students at the farm. During that time, they were busy with land clearing. They were assigned to plant papayas. I know it is not easy to work under the sun, but the students have to accept the fact that they are the future planters. In fact they have become immune to the hot weather.

At first, the plot was full with bushes and now you can see it is cleared; "now you see it, now you don't!". It takes commitment from all the students to make sure the plot is ready to be planted with the papaya. With all the hard work and the enthusiasm to learn among the students, I know they will be successful in the future. It is unique because they are not only acquiring knowledge in the lecture room, but also on the ground. As a matter of fact, this is what makes the DPIM students more marketable. Keep it up!















"Holistic education is essentially concerned with connections in human experience – connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego."













infokampus2000@yahoo.com